

## PELAKSANAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM PENGAJARAN PRASEKOLAH

V. Rajasegara Veloo

*Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang*

**vrajasegara\_veloo@yahoo.com**

**Abstrak:** Sistem Pendidikan Prasekolah di abad Ke-21 perlu memasukkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) sebagai salah satu aspek kemahiran bernilai. Penerapan pengajaran KBAT di dalam pendidikan prasekolah perlu diajarkan secara eksplisit yang mungkin mengikut langkah-langkah pengajaran KBAT yang telah dicadangkan oleh para sarjana terkemuka dalam bidang ini untuk memperkenalkan Kemahiran-Kemahiran Berfikir Aras Tinggi yang tertentu. Beberapa faktor yang memberi kesan kepada tahap kemahiran berfikir kanak-kanak prasekolah perlu dikenalpasti dan memerlukan perancangan yang jitu perlu ada sebelum pengajaran KBAT dilaksanakan. Antara faktor yang perlu diambil kira perancangan sebelum, semasa dan selepas serta bentuk penerapan KBAT. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana unsur-unsur KBAT wujud dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan prasekolah di sekolah-sekolah aliran perdana. Ia juga bertujuan untuk memaparkan dapatan kajian dijalankan berkaitan dengan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran tunjang-tunjang yang terdapat dalam Kurikulum Standard Pendidikan Prasekolah Kebangsaan (KSPK), untuk meneroka sejauh manakah aspek ini diberikan penekanan oleh guru di dalam bilik darjah. Data kajian ini diperolehi secara kualitatif melalui temu bual dan pemerhatian bilik darjah. Seramai seramai 5 orang guru praktikum yang mengikuti Kursus Diploma Pendidikan Malaysia (KDPM) Mod Kursus Dalam Cuti (KDC) dari Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang (IPGKR) ditemu bual dan pemerhatian bilik darjah juga dijalankan ke atas guru-guru tersebut. Hasil Kajian ini dijangka dari aspek strategi pengajaran dan pembelajaran, persediaan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran, organisasi dan interaksi bilik darjah serta dilema yang dihadapi oleh guru untuk menggalakkan kanak-kanak berfikir secara kritis dan juga persepsi guru tentang program pengajaran KBAT yang dilaksanakan di peringkat pendidikan prasekolah.

## IMPLEMENTATION OF HIGHER ORDER THINKING SKILLS (HOTS) IN PRESCHOOL TEACHING

V. Rajasegara Veloo

*Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang*

**vrajasegara\_veloo@yahoo.c**

**Abstract:** Pre-school education system in the 21st century must include the Higher Order Thinking Skills (HOTS) as one aspect of skills. Implementation of instruction HOTS in preschool education should be taught explicitly as possible by teaching HOTS measures recommended by leading scholars in this field to introduce the skills, higher order

*thinking skills that are specific. Several factors affect the level of thinking skill among preschool children should be identified and require precise planning necessary before teaching HOTS implemented. Among the factors to be considered before during and after the planning and implementation of HOTS. This study aims to examine the elements HOTS exist in the implementation process of teaching and learning pre-school education in mainstream schools. It also aims to bring the findings of the study related to the teaching and learning HOTS contained in the National Preschool Curriculum Standard (NPCS), to explore the extent to which this aspect is given emphasis by the teacher in the classroom. Data were collected qualitatively, through interviews and classroom observations. A total of 5 teacher were intervieu and classroom observations were also conducted on the teachers. The results of this study are expected in terms of teaching and learning strategies, preparation of teachers in the process of teaching and learning, organization and interaction between the classroom and the dilemma faced by teachers to encourage children to think critically and also the perception of teachers about the teaching program HOTS implemented in preschool education.*

## PENGENALAN

### Latar Belakang Kajian

Penggubalan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) adalah selari dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara untuk meningkatkan kemampuan intelek kanak-kanak berfikir secara kritis dan kreatif. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aras Tinggi (KBAT) secara kritis dan kreatif disepadukan di dalam pengajaran bertujuan untuk memberi kemahiran kepada kanak-kanak supaya berfikir secara kritis dan boleh menghasilkan idea-idea baru. KBAT diterapkan kepada kanak-kanak melalui soalan-soalan aras tinggi, aktiviti-aktiviti yang menggalakkan pemikiran dan penyelesaian masalah serta kaedah-kaedah pengajaran. Guru-guru khususnya perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran serta amalan-amalan baru pengajaran dan pembelajaran yang relevan dengan perkembangan dan keperluan abad ke-21, kemahiran berfikir yang merentas semua disiplin ilmu dalam kalangan murid perlu diberi keutamaan. Kemahiran berfikir guru dan murid terutama dalam konteks KBAT merupakan perkara keperluan atau keutamaan dalam menentukan kejayaan transformasi pendidikan seperti yang digariskan dalam PPPM 2013-2025 (KPM 2015).

Pendidikan Prasekolah berfokus kepada usaha untuk menyediakan peluang pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna kepada kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun. Fokus utama adalah proses pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan kanak-kanak, penekanan kepada konsep inkuiri penemuan, penggunaan pendekatan pengajaran dan pembelajaran bersepadu, bertema, belajar melalui bermain, pembelajaran kontekstual dan pembelajaran berasaskan projek. Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan pula, digubal dengan memberikan penekanan kepada standard kandungan dan standard pembelajaran yang patut diketahui dan boleh dilakukan oleh kanak-kanak

berumur empat hingga enam tahun. Standard kandungan dan standard pembelajaran berpaksikan pengetahuan, kemahiran asas serta nilai dalam enam Tunjang Pembelajaran berikut: Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Sains dan Teknologi; Perkembangan Fizikal dan Estetika serta Perkembangan Ketrampilan Diri.

### Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

1. Untuk melihat pengaplikasian KBAT semasa perancangan pengajaran?
2. Untuk melihat pengaplikasian KBAT semasa penyampaian isi pelajaran?
3. Untuk melihat masalah pengaplikasian KBAT semasa pengajaran?


### Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aras Tinggi

Menurut Lembaga Peperiksaan Malaysia (2013), KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu.

Asas proses kognitif adalah menjana dan mengorganisasikan maklumat, kemahiran analisis sintesis dan proses kreativiti dan penilaian. Terdapat empat aras dalam domain kognitif dalam KBAT: mengaplikasi, menganalisis, menilai, dan mencipta seperti dalam ilustrasi Rajah 1 dan penerangan berikut:

- i. **Mengaplikasi:** menjalankan atau mengguna prosedur melalui pelaksanaan atau mengimplementasikan. Pelajar perlu menunjukkan, melengkapkan, mengklasifikasikan, meneliti, mengilustrasikan, menggunakan dan menyelesaikan.
- ii. **Menganalisis:** Memecahkan bahan atau konsep kepada bahagian-bahagian kecil, menentukan bagaimana bahagian-bahagian tersebut berkaitan atau

- saling berkait antara satu sama lain atau menjelaskan secara keseluruhan struktur atau maksud. Pelajar perlu membanding, menerangkan, menguji, mengidentifikasikan, mengkategorikan, menyiasat dan membezakan.
- iii. **Menilai:** Membuat penghakiman berdasarkan kriteria dan piawaian melalui pemeriksaan dan kritikan. Pelajar perlu menjustifikasikan, menaksir, mengesyorkan, menentukan, menghakimi, mencadangkan dan memilih
- iv. **Mencipta:** Meletakkan (mencantumkan) element-elementen berlainan bersama untuk membentuk suatu yang koheren (bersepadu) atau berfungsi sepenuhnya; mengatur semula elemen-elemen berlainan menjadi satu corak atau struktur baru melalui penjanaaan, perancangan atau penghasilan. Pelajar perlu mencipta, mereka bentuk, merancang, mereka cipta, membina/konstruk dan membayangkan



Rajah 1 - Taksonomi Bloom Disemak semula  
 (Anderson dan Krathwohl; Lembaga Peperiksaan Malaysia 2013)

Edward de Bono dalam buku beliau bertajuk 'I Am Right You Are Wrong' (1990) mendefinisikan berfikir sebagai satu proses yang berlaku dalam minda seseorang apabila orang itu menerokai pengalamannya secara terperinci untuk mencapai sesuatu tujuan.

Howard Gardner (1993) pula mengatakan bahawa seseorang yang kreatif ialah seseorang yang biasa menyelesaikan masalah, imaginatif, rasional mengaplikasikan idea dan menggunakan pendekatan yang bijaksana. Selain itu, seseorang yang kreatif

mempunyai kebolehan seperti menyusun semula masalah dan melihatnya dari sudut pandangan yang baru.

Zol Azlan Hanidin (2000) menyatakan, KBAT ialah proses yang kompleks yang berlaku dalam minda seseorang dan melibatkan pengendalian operasi mental yang tertentu dalam minda kita. Buku Panduan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran, Julai (2001), menyatakan KBAT ialah kecekapan dan keupayaan menggunakan minda untuk menilai kemunahsabahan atau kewajaran sesuatu idea;

meneliti keberhasilan, kebaikan dan kelemahan sesuatu hujah dan membuat pertimbangan yang wajar dengan

### PERNYATAAN MASALAH

Rahman Haron, Jamaludin Badusah dan Zamri Mahamod (2015), dalam kajian KBAT dengan pendekatan SALAK DIDIK diperkenalkan bagi melihat keberkesannya dalam menguji kemahiran menulis karangan oleh murid tahun empat. Kajian ini telah dijalankan di sebuah sekolah rendah di dalam daerah Hulu Langat dan seramai 74 orang murid yang dijadikan sampel kajian. Seramai 34 orang murid kumpulan kawalan diajar dengan kaedah konvensional atau semasa sementara 40 orang murid kumpulan eksperimen diberikan pendedahan dengan pendekatan SALAK DIDIK. Dua elemen didik hibur yang diperkenalkan dalam pengajaran dan pembelajaran kepada murid iaitu elemen nyanyian dan elemen pantun. Pengumpulan data ujian pra dan ujian pos dianalisis menggunakan program Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 20.0. Hasil kajian ini dianalisis menggunakan ujian-t sampel berpasangan untuk menilai sama ada terdapat perbezaan yang signifikan bagi min elemen nyanyian dan min elemen pantun dalam ujian pra dan ujian pos penulisan karangan. KBAT dengan pendekatan SALAK DIDIK menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi min elemen nyanyian dan min elemen pantun antara murid kumpulan eksperimen dengan murid kumpulan kawalan dalam ujian pos.

Zamri Mahamod, Razali Bidin dan Anita Abdul Rahman (2002), mendapati pelaksanaan pengembangan KBAT pada masa pengajaran pemahaman bacaan juga melibatkan aspek-aspek yang dinyatakan dalam kajian mereka seperti faktor pengalaman mengajar dan kehadiran kursus menjadi faktor penentu untuk melaksanakan pengembangan KBAT pada masa pengajaran di bilik darjah. Kajian Rafiei yang bertujuan untuk melihat sejauh mana unsur-unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Secara Kritis dan Kreatif (KBAT) wujud dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah menengah di negara ini mendapati pengetahuan guru tentang KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran masih rendah. Kebanyakan guru (66%) tidak jelas tentang kaedah menerapkan unsur KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, walaupun ada yang telah diberi pendedahan secara formal. Rancangan Tahunan KBAT tidak disediakan tetapi sebilangan kecil guru (37%) ada mencatatkan

menggunakan alasan dan bukti yang munasabah (PPK,2001).

objektif KBAT dalam Rancangan Mengajar Harian. Kebanyakan guru tidak menerapkan unsur KBAT dalam kaedah penyampaian pelajaran yang meliputi aspek permulaan (set induksi) dan penggunaan bahan pengajaran. Namun 50% guru yang dikaji ada mengemukakan soalan-soalan yang berunsurkan KBAT dan 55% guru menjalankan aktiviti yang berunsurkan KBAT yang melibatkan pelajar. Latihan bertulis yang ada unsur KBAT diberikan kepada pelajar oleh 52% guru yang dikaji.

Azuan (2004) dalam kajian untuk mengenalpasti Kemahiran Berfikir Aras Tinggi secara kritis dan kreatif dalam proses pengajaran guru bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di Sekolah Menengah sekitar Skudai terdiri daripada 41 responden yang melibatkan enam buah sekolah mendapati Kemahiran Berfikir Aras Tinggi secara kritis dan kreatif sewaktu set induksi, penyampaian isi, melakukan amali, menutup pengajaran dan membuat penilaian pengajaran berada pada tahap yang tinggi. Dalam kajian 'Kesan Penyebatian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Kreatif Dalam Pengajaran Karangan Deskriptif Dan Karangan Imajinatif Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat' (Siti ZAbidah Bt. Mohamed, 2006) mendapati bahawa pelajar yang menggunakan KBAT dalam penulisan karangan dapat menghasilkan karangan yang lebih kreatif iaitu dari segi kelancaran, kelenturan, deskriptif dan penghuraian. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah melalui soal selidik menggunakan Skala Litert. Data diperoleh dan dianalisis menggunakan ujian ANCOVA, MANCOVA dan Korelasi Pearson untuk menjawab hipotesis.

Kartini (1998) dapati daripada 20 strategi pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi kritis, hanya tiga sahaja yang kerap digunakan oleh satu pertiga daripada bilangan guru yang terlibat dalam kajian ini dan empat lagi strategi pengajaran jarang digunakan. Terdapat perbezaan yang signifikan dalam tujuh strategi yang digunakan apabila dilihat dari segi pengalaman guru mengajar. Guru yang mempunyai pengalaman mengajar dalam kumpulan antara 4-6 tahun dan 7-9 tahun dilaporkan paling banyak menggunakan 20 strategi berkenaan. Pemerhatian bilik darjah menunjukkan bahawa aktiviti pengajaran yang berpusatkan guru adalah paling ketara, manakala pelajar pula memainkan peranan yang pasif, iaitu lebih banyak mendengar

KPM (2016) KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul dan strategi berfikir

## METODOLOGI KAJIAN

### Kaedah Kajian, Sampel Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual. Tempoh pengumpulan data ialah dari bulan Februari hingga Mei. Di samping itu, maklumat-maklumat berkaitan dengan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi juga dikumpulkan melalui temu bual dengan guru-guru yang dijadikan sampel kajian. Seramai 5 orang guru praktikum telah diperhatikan dalam proses pengajaran di peringkat prasekolah. Kajian yang dijalankan ini untuk melihat proses pengajaran guru semasa sesi pengajaran di dalam bilik darjah. Oleh sebab itu, penyelidik merasakan kajian ini lebih sesuai menggunakan kaedah kualitatif, kerana lebih sesuai digunakan untuk menghuraikan dan menjelaskan perlakuan dan proses pengajaran yang dijalankan di dalam bilik darjah prasekolah.

Creswell (2003) menegaskan bahawa „*the qualitative researcher views social phenomena holistically*” (hlm. 182). Othman Lebar (2006) juga menyatakan bahawa konsep holistik tersebut bermakna seseorang penyelidik melihat sesuatu fenomena itu secara menyeluruh dalam sesuatu konteks. Kesimpulannya, kajian secara kualitatif merupakan cara yang sesuai untuk mendapatkan gambaran sebenar. Hal ini demikian kerana kajian ini hanya ingin melihat proses pengajaran guru ini ketika sesi pengajaran. Selain itu, kaedah pengumpulan dan penganalisan data juga dapat membantu penyelidik mendapat gambaran sebenar yang berlaku di dalam bilik darjah prasekolah.

## DAPATAN KAJIAN

### Persoalan kajian 1

*Adakah guru-guru mengaplikasikan KBAT semasa perancangan dalam pengajaran?*

Bagi mendapatkan maklumat tentang apakah persediaan guru sebelum pengajaran di dalam kelas persekolah, kaedah temu bual telah digunakan untuk mengetahui perancangan sebelum sesi pengajaran dijalankan. Biasanya sebelum sesuatu sesi pengajaran guru akan menyediakan persediaan pengajaran dengan menulis Rancangan Mengajar (RM). Dalam ruang RM terdapat butiran tentang tarikh, masa pengajaran, kelas yang diajar. Tunjang, tajuk pengajaran, objektif yang dicapai, aktiviti yang hendak dijalankan dan refleksi. RM merupakan dokumen penting sebagai perancangan awal sebelum melaksanakan sesi pengajaran dalam kelas.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa hampir 90 peratus guru yang terlibat dalam kajian ini merancang aktiviti-aktiviti berdasarkan KBAT. Aktiviti yang

mereka rancang disokong dengan bahan bantuan mengajar (BBM) yang menarik dan sesuai untuk membina minat dan motivasi kepada kanak-kanak mereka. Selain itu guru-guru prasekolah ini juga mencatatkan jenis KBAT yang hendak diterapkan dalam sesi pengajaran mereka.

*“Sebelum memulakan sesi pengajaran, saya merancang terlebih dahulu apa yang sesuai dan bahan yang sesuai dengan tajuk pelajaran”*

(Cikgu 1)

*“Sebelum mengajar sesuatu tunjang, terlebih dahulu saya akan fikir apakah jenis KBAT yang boleh dikembangkan.”*

(Cikgu 2)

Guru juga perlu memiliki kemahiran tentan KBAT dan perlu dikuasai oleh guru sebelum mereka mengembangkan KBAT pada masa pengajaran. Mengikut Cikgu 4 “ Seseorang guru perlu berpengetahuan tentang KBAT dan juga memiliki kemahiran pedagogi yang tinggi apabila mereka menjalankan proses pengajaran. Para guru boleh mendapatkan maklumat tentang pengembangan KBAT daripada buku, media cetak dan melalui latihan Dalam Perkhidmatan dan ianya mudah didapati dan tidak menjadi masalah kepada guru”.

### Persoalan kajian 2

*Adakah guru-guru mengaplikasikan KBAT semasa penyampaian isi pelajaran?*

Bagi menjawab persoalan ini, kaedah pemerhatian dijalankan untuk mengutip data tentang pengaplikasian KBAT semasa penyampaian isi pelajaran. Pada masa pemerhatian dijalankan, beberapa langkah pengajaran seperti set induksi, BBM KBAT yang dikembangkan, soalan dan penggunaan lembaran yang digunakan pada masa pengajaran turut diperhatikan.

Dapatan kajian menunjukkan guru selalu mengajukan soalan untuk mencungkil pengalaman sedia ada kanak-kanak supaya tajuk yang hendak diajar dapat dibincangkan dengan berkesan pada masa pengajaran dijalankan. Namun soalan-soalan yang diajukan lebih kepada Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR). Semasa pemerhatian pengajaran Tunjang Sains Awal oleh Cikgu 5, beliau meminta kanak-kanak mengingat semula apa yang mereka belajar dalam sesi pengajaran yang lepas. Cikgu 5 meminta kanak-kanak menyebut semula binatang-binatang yang dipelihara di rumah. Tajuk tersebut telah pun mereka pelajari dan kanak-kanak cuma mengingat kembali. Maka aras soalan yang dikemukakan oleh Cikgu 5 lebih kepada KBAR.

*Kami telah didedahkan dengan KBAT di peringkat IPGKR dan juga bengkel di peringkat Jabatan kami. Namun, kami masih tidak berapa faham dengan pelaksanaan (Cikgu 5)*

Jawapan yang sama diberikan oleh keempat empat sample kajian yang lain. Mereka masih tidak

mahir dalam penggunaan kata kunci sesuai yang perlu mereka gunakan semasa mereka bersoal dengan kanak-kanak mereka supaya kanak-kanak dapat berfikir dan menjawab dengan lebih kreatif. Teknik menyoal juga mempengaruhi aras pemikiran kanak-kanak. Maka guru perlulah memiliki kemahiran menyoal aras tinggi yang betul.

### Persoalan kajian 3

*Apakah masalah guru-guru dalam mengaplikasikan KBAT semasa pengajaran?*

Memang tidak dapat dinafikan bahawa bahan bantuan beajar (BBB) merupakan bahan penting yang dapat merangsang murid supaya mereka dapat mengikut pembelajaran di bilik darjah dengan efektif. Oleh yang demikian, sebelum sesi pengajaran guru perlu menyediakan BBB yang sesuai dengan setiap tunjang pengajaran. Selain masalah menyediakan BBB untuk menjalankan sesi pengajaran, pengetahuan tentang KBAT juga merupakan masalah kepada guru. Sungguhpun beberapa langkah ke arah untuk menggalakkan penghasilan BBB KBAT pada masa pengajaran telah dilaksanakan, namun pelaksanaannya tidak begitu memberangsangkan. Apabila masalah ini diajukan kepada beberapa orang guru, mereka menyatakan pengetahuan menghasilkan BBB KBAT bukanlah masalah besar kerana bagi guru telah didedahkan dengan pengetahuan semasa mereka berada di IPG dan juga jabatan masing-masing. Oleh itu tidak timbul masalah bagi guru untuk mengembangkan BBB berkaitan KBAT pada sesi pengajaran. Di peringkat kawasan, bengkel sentiasa diadakan dan guru-guru dikehendaki menghasilkan BBB berkaitan pengembangan KBAT dalam pengajaran. Oleh itu masalah untuk menghasilkan BBB pada masa pengajaran di bilik darjah tidak lagi menimbulkan masalah dalam kalangan guru sebaliknya strategi untuk pelaksanaan BBB KBAT pada sesi pengajaran.

### KESIMPULAN

Kanak-kanak prasekolah jelas akan mendapat manfaat daripada kurikulum penuh dengan strategi KBAT. Keupayaan kanak-kanak prasekolah untuk berfikir secara kritis dan kreatif yang lebih baik dalam bidang akademik bersedia untuk menghadapi cabaran dan dipertingkatkan akademik di peringkat sekolah. Maka guru-guru prasekolah perlulah menguasai kemahiran dalam bidang KBAT agar kanak-kanak prasekolah bersaing dengan rakan-rakan mereka. Guru juga perlu mahir mewujudkan suasana berfikir dengan mengemukakan soalan-soalan yang dapat menggalakan kanak-kanak prasekolah untuk berfikir dan memberi jawapan-jawapan yang lebih kritis dan kreatif.

### RUJUKAN

Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, Zurihani Zakariya (2005). *Psikologi Kognitif*. Johor Darul Takzim:Universiti Teknologi Malaysia.

- Hawariyah Binti rahim. Keberkesanan modul Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Secara Kritis Dalam Meningkatkan Tahap Pemikiran Kritis Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Teknik. *Jurnal Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*. Unit Pelaksana dan Prestasi Pendidikan. (2015). Buletin Anjakan. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2013). Pentaksiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi(p.168). Putrajaya:Kementerian Pendidikan Malaysia
- Rafei Bin Haji Mustapha (1994). Kajian Tentang Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Secara Kritis dan Kreatif (KBAT) Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa MelayuSekolah Menengah. *Jurnal Kementerian Pendidikan*.
- Rahman Haron, Jamaludin Badusah, Zamri Mahamod (2015). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam SALAK Didik dengan Elemen Nyanyian dan Elemen Pantun. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. ISSN: 2180-4842. Vol 5, Bil 1(Mei 2015): 53-60
- Rohaty Mohd Majzub. (2003). *Pendidikan Prasekolah : Cabaran Kualiti*.Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Zabidah Bt. Mohamed (2006). Kesan Penyebatian Kemahiran Berfikir Kreatif DalamPengajaran Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat. *JurnalUniversiti Sains Malaysia*.
- Suppiah Nachiappan, Ramlah Jantan dan Abdul Aziz Abdul Shukor (2008). *Psikologi Pendidikan*.Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd
- Zamri Mahamod, Razali Bidin & Anita Abdul Rahman (2002) Kesan penyebatian kemahiran berfikir terhadap pengajaran guru Bahasa Melayu. Ke arah memartabatkan profesion perguruan, 19-20 Mei 2002. Hotel Holiday Villa, Alor Star,Kedah Darul Aman